


Melaraskan Kepakaan Sistem Penggera Anti-kecurian


Anda boleh memilih daripada 3 tahap kepekaan untuk sistem penggera anti-kecurian.

- 1 Pastikan sistem Honda SMART Key telah diaktifkan.
►MS. 33
- 2 Tanggalkan penutup bateri 12 V. ►MS. 84
- 3 Tekan suis penghidup untuk mengesahkan sistem Honda SMART Key. ►MS. 37
- 4 Sambungkan kopler mod EM yang disediakan dalam kit peralatan kepada penyambung mod EM. ►MS. 120
►Cincin suis penghidup dan penunjuk Honda SMART Key terpadam.

Butang penggera



Suis penghidup



Cincin suis penghidup

- 5 Tekan suis penghidup 1 kali.

- 6 Ulang langkah ini sebanyak 3 kali seperti berikut:
Tekan butang penggera pada Honda SMART Key sebanyak 2 kali dan suis penghidup 1 kali.

- Apabila butang penggera ditekan, lampu LED pada Honda SMART Key menyala. Pastikan lampu LED terpadam sebelum menekan butang seterusnya.
- Jika butang penggera atau suis penghidup tidak ditekan dalam masa 1 minit, penunjuk Honda SMART Key mula berkelip dan mod ini akan dibatalkan. Jika begitu, keluarkan kopler mod EM, kembali semula ke 3 dan ikuti prosedur sekali lagi.